

KEDUDUKAN ISTIMEWA KARYA AGUNG ADAB KETATANEGARAAN KESULTANAN ACEH DARUSSALAM DALAM SEJARAH PERSURATAN MELAYU

(The Special Position of the Great Works of the Sultanate of Aceh Darussalam in Malay Literary History)

Jelani Harun
jelani@usm.my

Universiti Sains Malaysia.

Abstrak

Pada zaman kegemilangan Kesultanan Aceh Darussalam pada abad ke-17 Masihi, lahirnya suatu bentuk penulisan yang khusus memberikan nasihat dan panduan tentang pemerintahan kepada raja dan para pembesar yang dikenali sebagai adab ketatanegaraan, iaitu *Taj al-Salatin* (1604) dan *Bustan al-Salatin* (1638). Naskhah yang lahir pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah (1589 – 1604), Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636) dan Sultan Iskandar Thani (1636 – 1641) mencirikan sebahagian daripada keunggulan peradaban dan teras kekuatan politik pemerintahan raja Aceh pada masa lalu. Walau bagaimanapun, kedudukan *Taj al-Salatin* sebagai karya adab ketatanegaraan terawal di Aceh kini boleh dipersoalkan dengan penemuan dua naskhah *Nasihah al-Muluk* nukilan Imam al-Ghazali dan Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi yang menjadikan jumlahnya empat buah karya dalam sejarah persuratan Melayu Aceh. Keempat-empat buah naskhah manuskrip Jawi tersebut memiliki ciri keistimewaannya yang tersendiri.¹

Kata kunci: Kesultanan Aceh Darussalam, adab ketatanegaraan, *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin* dan *Nasihah al-Muluk*, sejarah persuratan Melayu, manuskrip Jawi

Abstract

The glorious days of the Sultanate of Aceh Darussalam during the 17th century gave rise to a form of writing that specifically provided advice and guidance on governance to the king and officials, or mirrors for rulers, namely Taj al-Salatin (1604) and Bustan

al-Salatin (1638). Copies of which were composed during the reign of Sultan Alauddin Riayat Shah (1589-1604), Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636) and Sultan Iskandar Thani (1636-1641) characterized the greatness of the civilization and political power possessed by the Sultanate of Aceh then. However, the position of Taj al-Salatin as the earliest mirrors for rulers in Aceh can now be challenged by the discovery of two Nasihat al-Muluk manuscripts, written by Imam al-Ghazali and Sheikh Hussain Wa'iz al-Kashifi, bringing the total to four works in the Malay literary history. All four copies of the Jawi manuscripts hold their own unique traits.

Keywords: Sultanate of Aceh Darussalam, mirrors for rulers, Taj al-Salatin, Bustan al-Salatin and Nasihat al-Muluk, Malay literary history, Jawi manuscripts

PENDAHULUAN

Semasa zaman kegemilangannya pada abad ke-17 Masihi, Aceh muncul sebagai sebuah pusat penulisan manuskrip Melayu yang utama di Nusantara berpusat di istana, masjid dan institusi pengajian agama (pesantren dan sekolah pondok). Masjid Raya yang kemudiannya dikenali sebagai Masjid Baitul Rahman pernah muncul sebagai salah sebuah pusat penulisan manuskrip (*scriptorium*) yang tersohor di rantau Alam Melayu yang melahirkan ramai penulis dan pengarang Melayu.² Ketinggian persuratan Aceh terbukti menerusi penghasilan puluhan kitab dan karya besar yang dihasilkan pada ketika itu, terutamanya oleh Hamzah Fansuri, Syeikh Syamsuddin al-Sumaterani, Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Abdul Rauf Singkel. Karya para pengarang yang terdiri daripada ulama kini diberikan pengiktirafan tinggi oleh masyarakat sebagai karya agung Melayu sepanjang zaman.

Di samping sejarahnya yang gemilang, kesan peninggalan sebenar manuskrip Melayu di Aceh masih belum banyak diketahui secara jelas. Hampir seluruh manuskrip asal karya agung Melayu yang lahir di Aceh sudah tidak dapat dikesan lagi kewujudannya. Karya tersebut hanya ditemui dalam bentuk salinan manuskrip Jawi yang kini tersimpan di beberapa buah perpustakaan di dunia, terutamanya di England, Belanda dan Malaysia. Antara faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku termasuklah banyak manuskrip Melayu dari Aceh dibawa ke Eropah oleh para pegawai dan pedagang Eropah yang pernah bekerja di Aceh sejak abad ke-17 Masihi; banyak manuskrip musnah akibat bencana alam seperti tsunami yang melanda Aceh pada 25 Disember 2004; dan berlakunya peperangan Aceh dengan Belanda. Menurut Drs. Mawardi, Kepala Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, banyak manuskrip yang rosak, hilang dan musnah akibat kurangnya penjagaan dan pengetahuan masyarakat terhadap kepentingan manuskrip tersebut sebagai harta intelektual bangsa dan negara.

Pada zaman kegemilangannya, Aceh berjaya menarik kedatangan ramai pengembara, saudagar dan utusan dari Eropah. Aceh menjadi salah satu destinasi penting yang dilawati oleh orang Eropah kerana menyambut dasar buka pintu yang amalkan oleh Sultan Aceh. Antara tokoh penting yang pernah datang ke Aceh termasuklah Frederik de Houtman (Belanda, 1599 – 1601), Francois Martin (Perancis, 1602), Augustin de Beaulieu (Perancis, 1620 – 1621), Diogo do Couto (Portugis, 1611) dan Antonio van Diemen (Portugis, 1637). Begitu juga dalam kalangan pegawai dan saudagar Inggeris, antaranya termasuklah John Davis (1599 – 1601), James Lancaster (1602), Thomas Best (1613), Downtown (1615) dan Peter Mundy (1637 – 1638).

Sudah menjadi kelaziman para pegawai dan pelawat dari Eropah yang datang ke Alam Melayu menulis berbagai-bagai pengalaman yang dilalui. Sebahagian daripada hasil tulisan mereka diterbitkan dalam bentuk autobiografi, travelog, dan sebagainya yang menjadi sumber sejarah yang penting kepada masyarakat kini yang memperoleh maklumat asas tentang perkara yang berlaku di negeri Melayu pada masa silam.

Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan manuskrip sebagai warisan dunia di Alam Melayu mengubah persepsi masyarakat terhadap manuskrip Melayu dari Aceh. Banyak manuskrip Aceh dikumpulkan oleh beberapa badan yang bertanggungjawab dalam pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip Aceh, antaranya termasuklah Museum Aceh, Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, dan beberapa institusi pengajian tinggi, serta orang persaoangan yang berminat dengan manuskrip Aceh.³ Misalnya, Museum Aceh berjaya menerbitkan empat buah buku katalog yang memuatkan senarai kira-kira 900 buah manuskrip yang berada di pusat tersebut.⁴

Di samping itu, penjagaan yang rapi terhadap manuskrip Aceh di Eropah menyebabkan manuskrip tersebut masih berada dalam keadaan baik sehingga hari ini. Misalnya, di Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda masih terdapat lima buah manuskrip Jawi naskhah *Mir'at al-Tullab* hasil nukilan Syeikh Abdul Rauf Singkel.⁵ Kelima-lima buah manuskrip tersebut masih berada dalam keadaan baik dan mengandungi beberapa ciri keunikannya yang tersendiri.

Sebahagian besar manuskrip Melayu dari Aceh juga ditemui tersimpan di beberapa buah perpustakaan di England. Antaranya termasuklah manuskrip undang-undang, adat istiadat dan surat daripada Sultan Aceh kepada raja dan pegawai Inggeris. Misalnya, di Bodleian Library, Oxford terdapat beberapa pucuk surat Sultan Aceh yang sangat menarik dan bernilai sejarah, termasuk sepucuk surat daripada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam kepada King James I yang bertarikh 1613 (MS Laud Or, Rolls b.1). Keistimewaan surat tersebut amat terserlah melalui seni kaligrafi dengan hiasan yang bermutu tinggi, sehingga boleh dianggap sebagai sepucuk surat

Melayu yang paling indah ciptaannya. Kedudukan *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* atau *Sulalatus Salatin* boleh dipersoalkan sebagai karya adab ketatanegaraan terawal di Aceh dengan penemuan dua naskhah terjemahan *Nasihah al-Muluk* yang ditulis oleh Imam al-Ghazali dan Syaikh Husain Wa'iz al-Kashifi.

KARYA ADAB KETATANEGARAAN

Kebesaran tradisi persuratan Aceh melahirkan suatu bentuk penulisan yang khusus memberikan nasihat dan panduan pemerintahan kepada raja yang dikenali sebagai karya adab ketatanegaraan Melayu. Warisan adab ketatanegaraan Melayu dapat dilihat sebagai suatu bentuk kepandaian ilmu pentadbiran negara yang asli yang lahir dalam sejarah dan tamadun Melayu. Pemerintahan negara dilaksanakan berpaksikan prinsip ketuanan Melayu dan Islam. Menerusi sistem ini, raja selaku ketua negara, agama dan adat istiadat dibantu oleh sekumpulan pembesar yang menjalankan berbagai-bagai tugas pentadbiran kerajaan yang berhubung terus dengan rakyat, serta mengandungi hal yang berkaitan dengan pembahagian kekuasaan dan undang-undang bagi memelihara kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat.

Hampir semua naskhah awal adab ketatanegaraan seperti *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* ditemui di Aceh, meskipun Melaka muncul lebih awal sebagai pusat Kesultanan Melayu pada abad ke-16. Sebaliknya, karya adab ketatanegaraan hanya ditemui di Aceh pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah (1589 – 1604), Sultan Iskandar Mahkota Alam (1606 – 1636) dan Sultan Iskandar Thani (1636 – 1641). Melalui karya adab ketatanegaraan, raja Aceh diberikan berbagai-bagai panduan dan nasihat oleh pengarang istana tentang tatacara pemerintahan negara mengikut landasan pemerintahan yang adil dalam Islam.

Dalam sejarah persuratan Melayu di Aceh, *Taj al-Salatin* karya Bukhari al-Jauhari merupakan salah satu karya adab ketatanegaraan terawal dan penting, ditemui bertarikh 1604 Masihi. Naskhah tersebut merupakan sebuah karya berbahasa Melayu terawal yang membicarakan tatacara pemerintahan raja. Naskhah *Taj al-Salatin* versi transliterasi Rumi yang diusahakan oleh Khalid M. Hussain diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1966 dan diterbitkan oleh Jumsari Jusuf di bawah Penerbitan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta pada tahun 1979. Penerbitan kedua-dua naskhah tersebut yang dinamakan sebagai *Mahkota Segala Raja* berjaya mengetengahkan kitab tersebut kepada masyarakat. Meskipun mahkota menjadi lambang kekayaan dan kekuasaan raja, namun dalam konteks adab ketatanegaraan, mahkota menjadi lambang keadilan dan kearifan raja untuk melaksanakan pemerintahan berlandaskan ajaran Islam.


Sehingga kini, sekurang-kurangnya 30 buah salinan manuskrip *Taj al-Salatin* ditemui tersimpan di beberapa buah perpustakaan dunia. Keadaan ini menunjukkan bahawa kitab tersebut disalin oleh para penyalin istana untuk dijadikan bahan bacaan, rujukan dan panduan kepada raja dan para pembesar. Kebanyakan salinan yang ditemui lengkap mengandungi 24 fasal, dan sebahagiannya disalin dan manuskrip tersebut dihiasi dengan seni iluminasi Melayu yang indah dan berwarna-warni.

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) turut memiliki empat buah manuskrip *Taj al-Salatin* yang tidak kurang istimewanya, iaitu MS 1076, MS 1589, MS 2530 dan MS 4078. Misalnya, MS 1589 masih berada dalam keadaan sempurna dan memiliki kemasan kulit berjilid yang menarik. Sementara itu, MS 4078 pula berjilid dengan kain yang mempunyai corak bunga-bunga yang berseni. Kedua-dua manuskrip tersebut diberikan rawatan rapi oleh pihak Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dan terbuka untuk diteliti oleh masyarakat. Naskhah manuskrip tersebut juga dapat dikesan di perpustakaan di dalam dan di luar negara seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Antara manuskrip *Taj al-Salatin* yang terdapat di dalam dan di luar negara.

Bil.	Tempat	Kod Katalog
1	Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur	MS 1076, MS 1589, MS 2530, MS 4078
2	Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	MS 91, MS 94, MS 174
3	National Library of Singapore	RBS 390.2209595 KIT NLS
4	Perpustakaan Nasional Jakarta	Br. 394, MI. 122
5	Royal Asiatic Society, London	Raffles Malay 17, Raffles Malay 42, Raffles Malay 47, Raffles Malay 63, Maxwell 13, Maxwell 17, Maxwell 55, Malay 117
6	School of Oriental and African Studies, London	MS 21039, MS 36565
7	Oxford University (Skeat Collection)	MS 18
8	British Library, London	Add. 12378, Or. 13295
9	Bibliotheque Royale Albert I, Brussels	No. 21507
10	Jerman Barat	Schoemann V.12
11	Leiden University Library	Cod. Or. 1918, Cod. Or. 3234, Kl. 67, Cod. Or. 6719, Cod. Or. 3053

Antara sebab *Taj al-Salatin* banyak disalin oleh para penyalin manuskrip Melayu dan dipelihara dalam bentuk jilid yang kemas dan menarik kerana karya tersebut mengetengahkan asas atau prinsip pemerintahan raja-raja Melayu yang kaya dengan nilai adab ketatanegaraan Melayu dan Islam. Di perpustakaan School of Oriental and African Studies, London pula terdapat dua buah manuskrip *Taj al-Salatin* yang tidak kurang nilai keunikannya. Misalnya, MS 21039 ialah sebuah manuskrip Jawi *Taj al-Salatin* yang disalin di Melaka pada 14 Jamadilawal 1290 Hijrah yang bersamaan dengan 9 Julai 1873 Masihi. Manuskrip berukuran 25 cm x 19.5 cm tersebut memperlihatkan hasil kerja seorang penyalin yang teliti, kemas, dan tanpa sebarang kecacatan pada tulisan dan kertasnya. Nama penyalinnya tercatat pada bahagian kolofon sebagai Abdul Rahman bin Mustafa. Walaupun pada tahun 1873 Melaka sudah tidak mempunyai raja tetapi minat penyalin Melayu untuk menulis semula *Taj al-Salatin* tetap berterusan bagi mendapatkan pelbagai mutiara nasihat tentang kearifan pemerintahan raja dan para pembesar pada masa lalu.



Rajah 1 Sebahagian daripada manuskrip *Taj al-Salatin* oleh Bukhari (MS 21039, School of Oriental and African Studies, London).

(Sumber: Koleksi Penulis, 2016)

Selepas *Taj al-Salatin*, penulisan karya adab ketatanegaraan di Aceh disambung menerusi naskhah *Bustan al-Salatin* oleh Nuruddin al-Raniri pada tahun 1638. Naskhah tersebut merupakan naskhah yang paling panjang yang dihasilkan dalam sejarah persuratan Alam Melayu kerana terdiri daripada tujuh bab dan 60 fasal. *Bustan al-Salatin* (Taman Raja-raja) ialah hasil karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri, seorang ulama, ahli sejarah, ahli tasawuf dan penasihat istana yang berasal dari wilayah Rander, Gujarat, India. Naskhah tersebut dihasilkan sewaktu beliau berada di Aceh pada awal tahun 1600-an dan menjadi penasihat Sultan Iskandar Thani (1634 – 1644), iaitu putera raja Pahang yang menjadi menantu Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Karya agung tersebut siap sepenuhnya pada tahun 1638. Ketokohan Syeikh Nuruddin al-Raniri sebagai seorang ulama dan pengarang terbukti melalui penghasilan lebih daripada 30 buah kitab karangannya dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Sehingga kini sebanyak 34 buah salinan manuskrip *Bustan al-Salatin* berjaya dikesan wujud dan tersimpan di beberapa buah perpustakaan di dalam dan di luar negara. Walau bagaimanapun, semua manuskrip tersebut tidak lengkap kerana tidak mengandungi ketujuh-tujuh bab *Bustan al-Salatin*. Oleh itu, penelitian terhadap keseluruhan isi kandungan *Bustan al-Salatin* harus menggabungkan beberapa buah manuskrip daripada sumber yang berbeza. Dianggarkan keseluruhan tujuh bab *Bustan al-Salatin* terdiri daripada 1500 halaman manuskrip bertulisan Jawi yang membincangkan sejarah asal usul kejadian alam dan manusia; sejarah raja Parsi dan Arab, serta raja Melayu dan Aceh; kisah raja yang adil; kisah para pembesar yang bijaksana; kisah raja yang zalim; kisah raja yang alim dan bertapa; serta mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan dan firasat manusia.

Kekuatan isi kandungan *Bustan al-Salatin* terbina daripada dua kategori ilmu yang wujud dalam sejarah persuratan Islam, iaitu ilmu sejarah dunia Islam dan ilmu adab ketatanegaraan. Bab 1 dan Bab 2 *Bustan al-Salatin* mengandungi hal yang berhubung dengan sejarah dunia Islam yang bermula daripada penciptaan alam dan manusia, diikuti dengan sejarah raja purba dan nabi sehinggalah ke zaman Nabi Muhammad SAW. Sejarah dunia Islam tersebut kemudian bersambung pula dengan sejarah raja Melayu dan Aceh yang dikatakan berasal daripada jurai keturunan Raja Iskandar Zulkarnain.

Dalam fasal 12 Bab 2 *Bustan al-Salatin*, Nuruddin al-Raniri menceritakan sejarah raja Melayu yang bersumber daripada *Sulalatus Salatin* hasil karangan Tun Seri Lanang di Johor pada tahun 1612. Hal ini dinyatakan dengan jelas oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri melalui catatan sumber “Kata Bendahara Paduka Raja” yang sebenarnya merujuk Tun Seri Lanang. Pernyataan ini juga menunjukkan bahawa besar kemungkinan Syeikh Nuruddin al-Raniri pernah bertemu dengan Tun Seri

Lanang sewaktu Bendahara Johor tersebut ditawan oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dan dibawa ke Aceh. Menurut Tun Seri Lanang, raja-raja Melayu berasal daripada zuriat Iskandar Zulkarnain dengan menyatakan bahawa, “Raja Iskandar, anak Raja Darab, Rom bangsanya, Makaduniah nama negerinya”.

Dalam *Sulalatus Salatin*, asal usul sebenar Raja Iskandar tidak dinyatakan dengan jelas sehingga dianggap sebagai mitos sahaja. Walau bagaimanapun, Syeikh Nuruddin al-Raniri yang memiliki pengetahuan tentang sejarah Raja Iskandar Zulkarnain mengaitkan dan memanjangkan asal usul raja Melayu sebagai zuriat daripada Raja Iskandar Zulkarnain yang terdapat dalam sejarah raja Parsi purba. Malah, dalam fasal 13 Bab 2, asal usul raja Aceh juga dikaitkan dengan zuriat Raja Iskandar Zulkarnain sehingga ke zaman Nabi Adam a.s. Dengan berbuat demikian, secara langsung asal usul raja-raja Melayu dan raja Aceh adalah daripada zuriat yang sama, iaitu Raja Iskandar Zulkarnain yang tersohor dalam sejarah dunia Islam. Dalam *Bustan al-Salatin*, ada dicatatkan tentang zuriat Raja Iskandar Zulkarnain:


Kata ahlul-tarikh, bahawa Iskandar Zulkarnain ibnu Darab, ibnu Bahman, ibnu Iskandia, ibnu Kinasab, ibnu Lahrussab, cucu Kikawus, ibnu Dara, ibnu Tuhmasab, ibnu Nudir Malik, ibnu Manujahar, ibnu Airah, ibnu Faridun, ibnu Faruh, ibnu Atkian, ibnu Jamshid, ibnu Husung, ibnu Sayamaka, ibnu Kiyaumurti, ibnu Nabi Allah Adam alaihissalam.

Sebagai sebuah karya adab ketatanegaraan pula, *Bustan al-Salatin* mengandungi ilmu yang jauh lebih luas berbanding dengan *Taj al-Salatin* dan *Nasihah al-Muluk*. *Bustan al-Salatin* mengandungi ratusan petikan ayat al-Quran, hadis dan kata-kata ulama, serta beratus-ratus petikan cerita sejarah dan nasihat sebagai bahan pengajaran kepada raja-raja Melayu. Hal ini menunjukkan ketinggian ilmu pengetahuan Syeikh Nuruddin al-Raniri yang banyak membaca kitab, buku sejarah dan kisah yang memberikan contoh dan teladan kepada raja-raja dan pembesar Melayu. Ketika menasihati raja, Syeikh Nuruddin al-Raniri tidak hanya memberikan pujian terhadap kebaikan raja (Bab 3) tetapi pada masa yang sama banyak memberikan kritikan dan amaran keras kepada raja yang memerintah negara dengan zalim (Bab 5). Pemikiran Syeikh Nuruddin al-Raniri jelas bahawa raja yang adil akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT, serta membawa kebaikan dan kemakmuran kepada rakyat dan negara. Sebaliknya, raja yang zalim akan mendapat kemurkaan Allah SWT, dan

membawa kebinasaan kerajaan dan rakyat jelata. Naskhah manuskrip ini dapat dikesan tafsirannya di perpustakaan di dalam dan luar negara seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Lokasi penyimpanan manuskrip *Bustan al-Salatin*.

Bil	Tempat	Kod Katalog
1	Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur	MS 1076, MS 1589, MS 2530, MS 4078
2	Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	MS 91, MS 94, MS 174
3	National Library of Singapore	RBS 390.2209595 KIT NLS
4	Perpustakaan Nasional Jakarta	Br. 394, MI. 122
5	Royal Asiatic Society, London	Raffles Malay 17, Raffles Malay 42, Raffles Malay 47, Raffles Malay 63, Maxwell 13, Maxwell 17, Maxwell 55, Malay 117
6	School of Oriental and African Studies, London	MS 21039, MS 36565
7	Oxford University (Skeat Collection)	MS 18
8	British Library, London	Add. 12378, Or. 13295
9	Bibliothèque Royale Albert I, Brussels	No. 21507
10	Jerman Barat, dan	Schoemann V.12
11	Leiden University Library	Cod. Or. 1918, Cod. Or. 3234, Kl. 67, Cod. Or. 6719, Cod. Or. 3053



Rajah 2 Naskhah *Bustan al-Salatin* yang ditulis oleh Nuruddin al-Raniri yang terdapat di Raffles Malay 8, Royal Asiatic Society, London.


(Sumber: Koleksi Penulis, 2016)

NASIHAT AL-MULUK OLEH IMAM AL-GHAZALI

Pandangan terhadap *Taj al-Salatin* sebagai karya adab ketatanegaraan terawal di Aceh kini sudah semakin diragui, terutamanya dengan penemuan dua naskhah Melayu *Nasihah al-Muluk*. Naskhah tersebut diterjemahkan oleh Imam al-Ghazali dan Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi di Aceh menjadikan jumlah karya adab ketatanegaraan kepada empat buah yang wujud di Aceh sehingga kini.

Nasihah al-Muluk merupakan sebuah karya nukilan Imam al-Ghazali. Karya tersebut pada asalnya ditulis dalam bahasa Parsi oleh Imam al-Ghazali antara tahun 1058 – 1111 dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh Ali ibn Mubarak ibn Mawhub dengan judul *al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk*. Pada tahun 1964, *Nasihah al-Muluk* diterjemahkan pula ke dalam bahasa Inggeris oleh Bagley dengan cara membandingkan kedua-dua versi Parsi dan Arab. Melalui *Nasihah al-Muluk*, Imam al-Ghazali memperlihatkan pandangan beliau tentang tatacara pemerintahan negara, khususnya yang berkaitan dengan sifat pemerintah dan para pembesarnya.

Tarikh penyebaran *Nasihah al-Muluk* ke Alam Melayu tidak dapat dipastikan dengan tepat. Besar kemungkinan versi Arab karya tersebut tiba di Aceh sekitar akhir abad ke-16 atau awal abad ke-17 melalui pedagang dari India atau Tanah Arab



Rajah 3 *Nasihah al-Muluk* oleh Imam al-Ghazali (1700) (Or. MS 645.1, Edinburgh University Library, Edinburgh).

(Sumber: Koleksi Penulis, 2016)

yang datang berdagang atau berdakwah ke rantau tersebut. Hal ini terbukti melalui penemuan sebuah salinan manuskrip terjemahan Melayu *Nasihah al-Muluk* di Aceh bertarikh 1700 Sebelum Masihi. Manuskrip tersebut kini tersimpan di Or. MS 645.1, Edinburgh University Library yang asalnya dimiliki oleh seorang tentera bernama James Walker yang menyalinnya dengan bantuan seorang guru bernama Haji Ismail.

Kajian mendapati *Nasihah al-Muluk* daripada manuskrip Or. MS 645.1, Edinburgh University Library merupakan terjemahan langsung daripada *Nasihah al-Muluk* karya Imam al-Ghazali. Manuskrip tersebut diterjemah dengan teliti kerana menyamai maksud asal teks *Nasihah al-Muluk*, meskipun terdapat beberapa kesalahan dan kesilapan kecil. Walau bagaimanapun, naskhah manuskrip yang terdapat di Edinburgh University Library merupakan satu-satunya naskhah terjemahan *Nasihah al-Muluk* daripada karya Imam al-Ghazali.

NASIHAT AL-MULUK OLEH SYEIKH HUSAIN WA'IZ AL-KASHIFI

Antara keempat-empat buah karya adab ketatanegaraan Aceh, *Nasihah al-Muluk* yang diterjemahkan oleh Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan perlu diberikan penelitian khusus. Karya tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1604, yakni dalam tempoh waktu yang hampir sama dengan tarikh terjemahan *Taj al-Salatin* tetapi penterjemah *Nasihah al-Muluk* tidak dapat dipastikan dengan tepat. Walau bagaimanapun, karya terjemahan tersebut merupakan salah satu naskhah koleksi Pieter Willemisz van Elbinck pada tahun 1604.

Berbanding dengan *Taj al-Salatin* yang wujud dalam beberapa buah salinan, hanya wujud senaskhah salinan *Nasihah al-Muluk* oleh Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi yang tersimpan di University of Cambridge (MS Gg.6.40).⁶ Naskhah tersebut yang bertarikh 1604 mungkin antara manuskrip Melayu tertua yang masih kekal hingga hari ini, jauh lebih awal daripada tarikh penyusunan *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang pada tahun 1612, atau tarikh penyalinan *Nasihah al-Muluk* karangan Imam al-Ghazali pada tahun 1700 (MS Gg.6.40) yang terdiri daripada lima bahagian, iaitu:

1. Bahagian A (halaman 1 – 8) mengandungi *Surat al-Mujadalah*, yakni Surah ke-58 dalam al-Quran. Surah tersebut disalin dengan lengkap meliputi keseluruhan ayat 1 – 22. Tulisan Jawinya jelas dan kemas, serta lengkap dengan tanda bacaan.
2. Bahagian B (halaman 9 – 80) mengandungi terjemahan bahasa Melayu bagi sebuah karya kosmogoni Arab berjudul *Majmu' al-gharib wa al-'Ajaib*. Selain

Qisas al-‘Anbiya, terjemahan Melayu tentang kisah kejadian alam merupakan antara yang terawal wujud dalam sejarah persuratan Melayu.

3. Bahagian C (halaman 81 – 192) terdiri daripada terjemahan bahasa Melayu *Nasihah al-Muluk* hasil karangan Syeikh Husain Wa’iz al-Kashifi. Naskhah bermula dengan kata-kata Haza kitab min tashnif Shaykh al-Husain al-Kashifi, rahmatullahu alaihi, pada menyatakan tafsir dalam Quran. Naskhah diakhiri dengan penutup “Tamat al-kitab Nasihat al-Muluk”.
4. Bahagian D (halaman 193 – 200) merupakan senarai perbendaharaan kata bahasa Melayu-Belanda. Terdapat 70 perkataan Melayu yang disenaraikan, iaitu api, kayu, air, sungai, ikan, Ali, syaitan, iblis, neraka, malaikat, tapak kaki, mata kaki, kuku kaki, urat, darah, kulit, daging, orang, perempuan, anak dara, anak, pusat kepala, nyawa, syurga, awan, hujan, bintang raja, matahari, bulan, bintang, angin, bumi, bibir, pipi, lidah, gigi, daging gigi, janggut, misai, leher, bahu, belakang, siku, tangan, jari, buku, kuku, hati, perut, pusat, susu, lutut, paha, pantat, puki, betis, kaki, jari kaki, orang, perempuan, kepala, rambut, tengkorak, dahi, bulu kening, mata, telinga, hidung, rongga hidung dan pangkal telinga. Pada akhir halaman terdapat catatan berikut:

Magasin (storehouse): wherein different words in Dutch and Malay are collected, and each is put in its place, by chapters, the Malay being written with Arabic letters by Pieter Willemsz van Elbinck, June, 1st, 1604, in Acheen.

5. Bahagian E (halaman 201 – 205) mengandungi beberapa halaman bertulisan Telegu.

Daripada lima bahagian karya yang mengisi MS Gg.6.40, bahagian yang memuatkan *Nasihah al-Muluk* (Bahagian C) merupakan bahagian yang sangat penting dalam sejarah persuratan Melayu kerana melibatkan penterjemahan sebuah karya adab ketatanegaraan yang awal. Struktur karyanya lengkap dengan satu mukadimah ringkas, isi dan penutup (kolofon). Nama pengarang karya dicatatkan pada bahagian pengenalannya sebagai Syeikh Husain Wa’iz al-Kashifi seperti yang berikut (p. 81):⁷

Bismillahirrahmannirrahim. Alhamdulillahirabbil alamin wassalati ‘ala Muhammaddin wa ala alaihi ajmain. Haza kitab min tashnif Shaykh al-Husain al-Kashifi, rahmatullahu alaihi, pada menyatakan tafsir dalam Quran.

Pieter Willemsz van Elbinck merupakan salah seorang pegawai Eropah yang turut melakukan beberapa ekspedisi perdagangan di Asia Tenggara pada sekitar awal

abad ke-17. Suatu kajian terperinci tentang Pieter Willemsz van Elbinck dilakukan oleh W. H. Moreland (1934) yang mengenal pasti tokoh Pieter Willemsz van Elbinck sebagai Peter Floris, penulis *The Voyage of Peter Floris* pada tahun 1610. Buku pengembaraan ini banyak merakamkan pengalaman beliau (Peter Floris) di Alam Melayu, terutamanya di Patani, Thailand; Bantam, Pahang; Singapura dan Melaka.⁸

Kehadiran Pieter Willemsz van Elbinck di Alam Melayu dapat dikesan jauh lebih awal lagi. Beliau dikatakan pernah sampai ke Aceh pada sekitar tahun 1603 – 1604 sewaktu berkhidmat dengan United East India Company (VOC) yang berpangkalan di Masulipatam, India, antara tahun 1605 – 1608 (Moreland, 1934 xxxvi). Sewaktu di Aceh, Pieter Willemsz van Elbinck mempelajari bahasa Melayu untuk memudahkan komunikasi dan urusan perdagangan. Malah, beliau juga mempelajari bahasa Tamil sebagai persediaan berhadapan dengan masyarakat India di Masulipatam. Keterangan tentang kehadiran Pieter Willemsz van Elbinck di Aceh pada sekitar tahun 1603 – 1604 dapat ditemui dalam beberapa buah naskhah yang kini tersimpan di *Erpenius Collection*, University of Cambridge. Koleksi naskhah dalam *Erpenius Collection* berasal daripada Thomas Erpenius (1584 – 1624), salah seorang tokoh orientalis yang berasal dari Belanda.⁹ Dalam bidang pengajian Melayu, nama Thomas Erpenius begitu dikenali kerana memiliki beberapa buah manuskrip Melayu terawal antaranya termasuklah naskhah *Hikayat Yusuf*, *Nasihat al-Muluk* dan *Hikayat Muhammad Hanafiah*.¹⁰ Sebahagian daripada naskhah yang terdapat dalam *Erpenius Collection* merupakan naskhah yang pernah dimiliki oleh Pieter Willemsz van Elbinck.

Kewujudan *Nasihat al-Muluk* terjemahan Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi memberikan suatu gambaran baharu tentang karya tersebut. Isi kandungannya berbeza daripada *Nasihat al-Muluk* nukilan Imam al-Ghazali. Dengan kata lain, sebelum *Nasihat al-Muluk* karangan Imam al-Ghazali diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu di Aceh pada tahun 1700, naskhah *Nasihat al-Muluk* pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu di Aceh pada tahun 1604 oleh Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi. Meskipun kedua-dua karya tersebut tergolong sebagai karya adab ketatanegaraan tetapi isi kandungannya berbeza antara satu dengan yang lain.

Manuskrip *Nasihatal-Muluk* karangan Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi mempunyai kepentingannya yang tersendiri dari sudut sejarah persuratan Melayu. Pada tahun 1604, sekurang-kurangnya terdapat dua buah karya adab ketatanegaraan Melayu di istana Aceh, iaitu *Taj al-Salatin* dan *Nasihat al-Muluk*. Sukar untuk ditentukan karya yang lebih dahulu dihasilkan atau diterjemahkan. Besar kemungkinannya, kedua-dua buah karya tersebut disalin atau diterjemahkan oleh seorang pengarang Melayu yang sama, yang mungkin berkhidmat di istana Aceh selaku pembesar atau penasihat agama Sultan Aceh.

Nasihah al-Muluk mempunyai penutup atau kolofon yang agak menarik. Dalam bahagian ini, sebanyak dua kali nama *Nasihah al-Muluk* disebut oleh pengarangnya dan diikuti dengan suatu keterangan tentang kepentingan karya tersebut yang diibaratkan “upama cermin yang maha suci” seperti yang berikut:

Tamat al-kitab *Nasihah al-Muluk* tempat medan segala hati yang mulia **upama cermin yang maha suci**. Maka barangsiapa beroleh martabat arti kata ini daripada sepatah-sepatah kata ini, jikalau kurang segala akalunya dan makrifatnya, maka bagi hendaklah diketahuinya sepatah kata daripada martabat wali, dan sepatah kata daripada martabat nabi, dan sepatah kata daripada martabat malaikat. Maka apabila adalah kebenaran daripada martabat awam, maka adalah kebenaran daripada martabat wali. Maka apabila adalah kebenaran daripada martabat [wali], maka adalah kebenaran daripada martabat nabi. Maka apabila adalah kebenaran daripada martabat nabi, maka adalah kebenaran daripada martabat malaikat. Tetapi akan riwayat itu [muhsan dan muhtasar] juga. Jikalau segala orang yang bijaksana dan arif dan kamal makrifat banyak martabat lagi daripada ini sehingga hakikat Muhammadlah kesucian kata ini. Maka barangsiapa [tamam] kemala makrifatnya daripada sepatah kata itu pulang empat martabat kebenaran daripada awam dan empat martabat kebenaran daripada wali, dan empat martabat kebenaran daripada nabi, dan empat martabat kebenaran daripada malaikat. Maka adalah mereka itu faham pada medan **cermin hati**. Maka lepaslah uzur dan takbur dan riak kepadanya, insyaallah taala dengan berkat Abd al-Qadir Jailani syayallullah. Barangsiapa hamba Allah taala mentelaah dengan kata ini disempurnakan Allah taala juga kiranya akal yang sempurna kepadanya itu. Tamat al-kitab *Nasihah al-Muluk*.

(*Nasihah al-Muluk*, p. 191 – 192)

Melalui kolofon tersebut, pengarang mengungkapkan kata-kata yang bernada kerohanian tentang kepentingan raja memahami kebenaran yang terkandung dalam karya *Nasihah al-Muluk* yang boleh membentuk kesempurnaan akal dalam pemerintahan. Hanya raja yang tahu hakikat kejadian dan tanggungjawab sebenar akan mencapai matlamat hidup dan pemerintahan yang diredai Allah SWT. Walau bagaimanapun, berdasarkan kolofon tersebut timbul keraguan sama ada kata-kata yang bernada kerohanian tersebut merupakan kata-kata Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi ataupun tokoh tambah penterjemah karya *Nasihah al-Muluk* yang tidak diketahui identitinya.

Tambahan pula pengarang *Nasihah al-Muluk*, Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi merupakan seorang pengarang Parsi yang berasal dari Baihaq. Beliau banyak mencipta kejayaan dalam penulisan sewaktu tinggal di Herat pada zaman pemerintahan Sultan Hussein Mirza. Sejarah Husain Wa'iz al-Kashifi dicatatkan meninggal dunia di Herat pada tahun 1504 atau 1505.¹¹ Dalam *The Encyclopedia of Islam* (Jilid 4, 1978, p. 704 – 705), terdapat senarai 40 buah karya yang pernah dihasilkan oleh Husain Wa'iz

al-Kashifi, termasuklah *Anwar-i Suhaili*, sebuah versi baharu bagi karya *Kalilah wa Dimnah*.¹² Walau bagaimanapun, judul *Nasihah al-Muluk*¹³ tidak terdapat dalam senarai 40 buah karya yang dihasilkannya.

Meskipun tidak dapat dipastikan pelibatan Husain Wa'iz al-Kashifi menterjemahkan *Nasihah al-Muluk*, namun beliau berkecenderungan untuk mengarang karya adab ketatanegaraan tersebut, khususnya melalui sebuah karya beliau yang berjudul *Akhlak-i Muhsini* yang dihasilkan pada tahun 1494 – 1495. Karya *Akhlak-i Muhsini* diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Keene pada tahun 1867 dengan judul *The Morals of the Beneficent*.¹³

Walaupun masih timbul keraguan terhadap pelibatan Husain Wa'iz al-Kashifi sebagai pengarang *Nasihah al-Muluk*, hakikatnya terjemahan karya tersebut dilakukan oleh seorang pengarang Melayu di Aceh pada tahun 1604. Pastinya, sebelum diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, versi bahasa Arab karya tersebut sudah berada di Aceh lebih awal lagi, mungkin sudah diketahui oleh Sultan Alauddin Riayat Shah (1589 – 1604) yang memerintah Aceh pada ketika itu. Di samping *Taj al-Salatin*, kemunculan *Nasihah al-Muluk* dan beberapa buah karya bahasa Arab lain di istana Aceh membentuk suatu koleksi karya adab ketatanegaraan yang penting di istana Aceh yang menjadi panduan kepada raja dan pembesar untuk melaksanakan tugas pentadbiran negara pada ketika itu.

Isi kandungan *Nasihah al-Muluk* karangan Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi terbahagi kepada dua bahagian (*qism*) yang dipecahkan pula kepada beberapa bahagian kecil atau fasal. Bahagian pertama adalah tentang raja dan hubungannya dengan pembesar dan hamba rakyat yang berada di sekelilingnya. Bahagian kedua pula memberikan panduan kepada raja tentang ciri keperibadian yang baik, termasuk perbicaraan tentang tugas menteri, jurutulis istana dan pemungut cukai. Susunan isi kandungan kitab tersebut dapat diringkaskan seperti yang berikut:

Tajuk	p.
Qism yang pertama:	
“Qism yang pertama pada menyatakan tertib raja pada melengkara akan hambanya.”	81 – 97
“Sebermula hendaklah terutama daripada segala pekerjaan memelihara anak.”	98 – 100
-“Seharusnya raja memilih orang yang dijadikan abantara dan akan utusannya kerana orang itu akan ganti lidah segala raja-raja.”	101 – 104
-“Bab peri hulubalang.”	105 – 113

Qism yang kedua:

“Qism yang kedua peri menyatakan orang yang menghampir raja itu.”	114 – 117
-“Syarat memelihara hak raja dengan dua puluh lima syarat.”	118 – 142
-“Fasal pada memelihara hak diri”	143 – 146
-“Fasal pada menyatakan memelihara rakyat kerana akan pekerjaan yang memelihara rakyat itu terlebih daripada segala pekerjaan.”	147 – 148
-“Fasal pada menyatakan pengajar akan panglima dan segala pegawai raja.”	148 – 157
-“Fasal pada menghimpunkan arta dan rakyat”	158 – 167
-“Bermula akan menteri yang jahat pekertinya tidak memberi manfaat pekertinya akan rajanya.”	168 – 180
-“Syarat akan orang yang menjabat kalam, iaitu orang penyurat surat bingkis segala raja-raja.”	181 – 183
-“Alkisah akan segala orang yang kerja akan mengambil ufti negeri.”	184 – 186
-“Sebermula hendak ada diketahui pada berbuat kebaktian akan Allah Taala dan akan rajanya”	187 – 192

Seperti kelaziman karya adab ketatanegaraan, pengarang *Nasihah al-Muluk* juga memulakan nasihatnya dengan mengemukakan beberapa kelebihan raja yang mengetahui tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan Allah SWT kepada mereka. Setiap rakyat pula mesti mematuhi, mengasihi dan mengikut perintah raja kerana mematuhi perintah raja merupakan ajaran yang terkandung dalam al-Quran (p. 81) yang bermaksud, “Berbuat bakti kamu akan Allah dan Rasul dan akan raja kamu.”¹⁴ Kedudukan raja selaku pemimpin pula disetarakan dengan Nabi dengan kata-kata (p. 82), “Pada orang budiman akan raja dan Nabi itu umpama permata pada satu cincin.”¹⁵

Untuk menjadi seorang pemerintah yang berjaya, Syeikh Husain Wa’iz al-Kashifi menasihati raja agar sentiasa memeriksa dan mengetahui segala hal yang berkaitan dengan para pembesar yang berada di sekelilingnya (p. 82 – 83), iaitu “Seharusnya ia berjinak-jinakan dengan segala pegawainya” kerana mereka ialah “mata” dan “telinga” yang akan mengerjakan segala perintah raja-raja. Menurut Husain Wa’iz al-Kashifi lagi, tugas seorang utusan itu “akan ganti lidah segala raja” (p. 101), sementara “menteri itu perhias kerajaan” (p. 107). Kegagalan raja mengawal tingkah laku para pembesar bakal mengundang musibah kepada raja dan negara.

Menariknya, *Nasihah al-Muluk* karangan Syeikh Husain Wa’iz al-Kashifi mengandungi satu bahagian khusus yang berkaitan dengan tugas memelihara anak. Raja dinasihati supaya mengambil berat akan hal penjagaan anak meliputi soal

makanan, pakaian, tingkah laku yang baik, pendidikan, dan sebagainya. Anak tidak boleh dibiarkan berkawan dengan orang jahat, sebaliknya diasuh membaca al-Quran, mengamalkan adab sopan, belajar bermain senjata dan bersahabat dengan pendeta dan orang salih (p. 100). Persoalan memelihara anak adalah sebahagian daripada perkara penting dalam kehidupan istana kerana ada dalam kalangan anak raja itu yang bakal menjadi raja atau pembesar istana pada masa hadapan.

Lazimnya, pengarang karya adab ketatanegaraan memetik ayat al-Quran dan hadis Nabi bagi mengukuhkan sesuatu panduan yang ingin disampaikan kepada raja dan pembesar. Dalam *Nasihah al-Muluk*, tidak kurang daripada enam petikan ayat al-Quran dan lapan petikan hadis Nabi digunakan bagi menyokong nasihat yang dikemukakan. Di samping itu, sekurang-kurangnya enam petikan kata-kata hukama dan 18 buah bait kata-kata hikmat turut diberikan. Semua petikan al-Quran, hadis, kata-kata hukama dan bait kata-kata hikmat ditulis dalam bahasa Arab lengkap dengan terjemahan dalam bahasa Melayu.

Cerita nasihat mengambil tempat yang sangat penting dalam karya adab ketatanegaraan, sebagai contoh teladan dan iktibar pengajaran kepada raja dan pembesar, terutamanya bagi mengaitkan sesuatu nasihat dengan peristiwa yang dipercayai berlaku dalam sejarah. Biasanya cerita tersebut diambil daripada pelbagai kisah tentang nabi, raja purba, khalifah Islam, pahlawan, orang salih, dan sebagainya. Semua cerita disampaikan secara ringkas, bersifat anekdot dan mudah difahami maksudnya agar raja atau pembesar yang baik akan tahu balasan pahala (syurga) yang bakal di terima, sementara raja atau pembesar yang jahat akan mendapat kutukan dosa (neraka). Sebahagian daripada petikan cerita yang terdapat dalam *Nasihah al-Muluk* karangan Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi diringkaskan seperti yang berikut:

1. Kisah Nusyirwan bertanya kepada Mubadan (daripada kitab *Siraj al-Muluk*).
2. Kisah Raja Bahman dengan seorang hakim.
3. Cerita seorang raja dengan hambanya yang sabar.
4. Kisah Nusyirwan bertanya kepada Khoja Buzur Jamhir.
5. Cerita seorang lelaki bernama Zaki di Yaman.
6. Cerita Raja Mahlab menghantar utusan kepada Hajjaj.
7. Kisah Raja Qubad Shahriar bertanya kepada Mubadan.
8. Cerita hamba Sultan Mahmud yang bernama Khoja Hassan.
9. Kisah seorang menteri bernama Abu Mansur.
10. Cerita seorang khatib yang pandai menulis bernama Yahya.
11. Cerita seorang hamba Sultan Sanjar.
12. Kisah seorang raja dengan seorang hakim.

13. Kisah seorang lelaki bermain di tamannya.
14. Hikayat Sultan Mahmud Ghaznawi menghukum menterinya.
15. Cerita Nizam al-Mulk dengan rajanya.
16. Kisah Raja Mesir yang kikir.
17. Kisah seorang menteri bernama Ibn Amad.
18. Peristiwa seorang sultan menolong seorang syeikh.
19. Kisah Nizam al-Mulk dengan Sultan Malikshah.
20. Cerita menteri yang bernama Fadhl ibn Sahl.
21. Cerita Harun al-Rasyid dengan Isma'i.

Dalam usaha menghasilkan karyanya, Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi banyak mengambil bahan daripada *Siraj al-Muluk*, sebuah karya *Mirrors for Princes* yang lebih awal, hasil gubahan al-Turtushi pada tahun 1122.¹⁶ Beberapa kali sumber rujukan ini disebut dalam *Nasihah al-Muluk*, terutamanya dalam peristiwa yang melibatkan Nursyirwan dan Nizam al-Mulk. Besar kemungkinan *Siraj al-Muluk* banyak mempengaruhi Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi tentang konsep penulisan karya yang memberikan nasihat kepada raja, termasuk sewaktu beliau mengarang *Akhlak-i Muhsini*.

Cerita tentang Nusyirwan (*Anusharvan "The Just"*) sangat masyhur dalam persuratan Arab dan Parsi.¹⁷ Tokoh yang memerintah Kerajaan Sasanian pada sekitar abad ke-6 Masihi dikenali dengan sifatnya yang adil dan banyak cerita tentang keadilannya ditulis oleh pengarang dalam berbagai-bagai hasil penulisan. Hampir semua karya *Mirrors for Rulers* memetik beberapa buah cerita yang berkaitan dengan Nusyirwan. Dalam kesusasteraan Melayu, *Anusharvan "The Just"* sering dikenali dengan nama Nusyirwan Adil yang mempunyai seorang menteri yang sangat bijaksana bernama Buzur Jamhir Hakim atau Khoja Buzur Jamhir atau Mubadan seperti yang digambarkan menerusi petikan episod yang berikut:

Maka seharusnya akan segala raja-raja memelihara orang yang dapat ganti matanya dan ganti telinganya itu hendaklah dengan sempurna kerana raja itulah akan menambatkan hatinya dalam segala pekerjaan raja itu. Maka nescaya tiadalah lagi akan terbunyi daripada raja segala ahwal negerinya, dan khabar yang baik dan khabar yang jahat daripada negeri yang lain, daripada kerana suatu pun tiadalah memberi bagi segala kejahatan akan segala raja-raja lainnya daripada sebab tiada sampai segala khabar ahwal negeri kepadanya.

Seperti kata bait yang tersebut dalam kitab *Siraj al-Muluk*: Bahawa pada suatu hari Raja Nusyirwan bertanya kepada Mubadan. Akan titah Raja Nusyirwan, "Hai

Mubadan, apa-apa menghilangkan pangkat kerajaan?” Maka sembah Mubadan, “Ya tuanku syah alam, dengan tiga syarat menghilangkan pangkat kerajaan. Pertama daripada kerana sebab segala khabar terbunyi kepada raja itu. Kedua perkara dari kerana sebab berbesar orang jahat asalnya. Ketiga perkara daripada kerana sebab aniaya segala pegawai raja.”

Maka titah Raja Nusyirwan, “Adakah kebenaran sembahmu ini?” Maka sembah Mubadan, “Ya tuanku syah alam, ada pun jikalau terbunyi segala khabar daripada raja itu nescaya raja itu tiada tahu akan siapa yang kasih akan dia dan siapa yang hendak berseteru akan dia. Apabila raja tiada tahu akan ahwal segala negerinya nescaya zahirlah segala fitnah daripada segala pihak yang lain.”

(*Nasihat al-Muluk*, p. 84 – 86)

Dalam konteks menyampaikan nasihat dan panduan kepada raja, pengarang adab ketatanegaraan tidak hanya memusatkan perhatian kepada hal keadilan atau kebaikan, sebaliknya turut memasukkan beberapa persoalan yang berhubung dengan kezaliman atau kejahatan. Ada ketikanya, maksud keadilan akan lebih difahami oleh pembaca sekiranya disertai dengan kisah kezaliman, keburukan, kemungkaratan atau kejahatan manusia. Dalam hal ini, para pembesar atau menteri selalu diingatkan agar sentiasa memelihara hubungan yang baik agar tidak menimbulkan sebarang masalah kepada diri mereka. Demikian juga dalam *Nasihat al-Muluk*, Syeikh Husain Wa’iz al-Kashifi turut memberikan beberapa keterangan tentang sifat buruk yang perlu dijauhi oleh raja dan pembesar dengan memberikan beberapa panduan kepada menteri sewaktu menjalankan tugas. Contohnya tergambar dalam petikan yang berikut:

Bermula akan menteri yang jahat pekertinya tiada memberi manfaat pekertinya akan rajanya. Jika sesuatu pekerjaan yang adil dan yang memberi manfaat akan rajanya [dilupakan] pada mengerjakan dia, tiada ia mau mengingatkan dia, dan jika ingat rajanya tiada mau ia memberati dia. Ada pun akan bagi segala menteri, maka apabila adalah menteri itu memakai sifat yang benar dan baik, maka adalah ia menyempurnakan dia kerajaan rajanya.

Maka seharusnya bagi segala menteri yang adil pada mengamalkan dengan sembilan syarat. Pertama, memeliharakan daripada pihak hak subhanahu wa taala, nescaya kepada menteri itu adalah ia insaf, berhentilah pada pekerjaan yang jahat. Kedua perkara syarat disamakan daripada pihak rajanya dan rakyat, jangan ia cenderung kepada yang salah pada barang suatu pekerjaannya daripada segala

pihak, supaya tiada ia menyesal pada kemudiannya. Bahawa inilah pekerjaan yang terlebih sukar pada mengerjakan dia yang terlebih mulia dan indah daripada segala pekerjaan menteri pada barang pekerjaan yang dikerjakannya. Maka bagi akibat dipelihara dengan sempurnanya supaya jangan ia menyesal.

Ketiga perkara syarat bagi kelakuan yang elok diperangakannya dan dibawakannya orang mengerjakan dia kerana tersebut dalam hadis Rasul Allah sallallahu alaihi wassalam [Arab], yakni, barangsiapa orang membawakan pekerjaan yang berbuat baik maka adalah akan baginya pahala kebaktiannya dan seperti pahala orang yang berbuat tadi itu. Maka barangsiapa membawakan orang pekerjaan yang jahat maka adalah atasnya dosa yang maha besar seperti dosa orang yang berbuat tadi.

Keempat perkara jikalau rajanya memelihara suatu pekerjaan yang tiada memberi manfaat akan pekerjaannya dan akan menghasilkan arta, maka jangan dikabulkannya dalam hatinya, tetapi tatkala di hadapan orang banyak disungguh-sungguhkannya juga sekadar rajanya itu jangan lagi dibantahnya. Adapun akan raja-raja itu seupama air sungai yang turun dari atas bukit. Jika seorang orang hendak menebat dia dengan sekali-kali sudah, maka nescaya sesungguhnya hayat dengan dirinya, maka segala pekerjaannya itu pun binasa melainkan dengan dirinya lagi dahulu. Maka dengan sekali sedikit ditebatnya daripada suatu pihak dan disuruhkannya jalannya mengalir kepada tempat yang lain supaya suruh itu diikutnya. Demikianlah ibarat kepada raja-raja dengan berperlahan mengatakan kesalahan pekerjaannya.

(*Nasihat al-Muluk*, p. 168 – 171)

Sesungguhnya terdapat berbagai-bagai nasihat dan panduan yang diberikan oleh Husain Wa'iz al-Kashifi dalam *Nasihat al-Muluk* yang harus diteliti dan diperhalus lagi. Sekiranya karya ini benar-benar sudah lama berada di Aceh, berkemungkinan besar karya ini memberikan banyak manfaat kepada raja dan pembesar Aceh untuk menetapkan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Tidak ketinggalan juga Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi turut memberikan peringatan kepada raja agar sentiasa memeriksa para pembesar atau pegawai istana yang mengamalkan perbuatan “kekol” atau rasuah. Menurutnya, “Sekali-kali jangan dilalaikan ahwal orang yang mengambil kekol daripada orang kerana yang memberi dan yang menerima itu pekerjaan haram” (p. 80). Demikian kerasnya peringatan Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi terhadap perbuatan rasuah yang boleh membinasakan sistem keadilan dan pemerintahan negara.



Rajah 4 *Nasihah al-Muluk* oleh Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi, 1604, (MS Gg. 6. 40, Cambridge University Library, Cambridge).

(Sumber: Koleksi Penulis, 2016)

KESIMPULAN

Kewujudan naskhah adab ketatanegaraan Melayu dalam sejarah Kesultanan Aceh Darussalam pada abad ke-17 yang lalu seperti *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin* dan *Nasihah al-Muluk* merupakan suatu peristiwa besar dalam sejarah persuratan Melayu. Semua karya agung tersebut dapat dianggap sebagai buku politik Kesultanan Melayu yang selaras dengan teras politik moral dan akhlak, serta adab raja. Hal ini menjadikan naskhah adab ketatanegaraan Melayu yang lahir di Aceh mempunyai kedudukan yang sangat istimewa dalam sejarah peradaban dan tamadun Melayu yang memperlihatkan cara raja dan para pembesar harus menjalankan tugas pemerintahan negara mengikut lunas ajaran agama Islam. Kekuatan isi kandungan yang terdapat dalam *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin* dan *Nasihah al-Muluk* menjadikan karya tersebut sebagai karya agung Melayu yang lestari sepanjang zaman.

RUJUKAN

- Arberry, A. J. (1958). *Classical Persian literature*. London: George Allen and Unwin Ltd.
- A. Samad Ahmad (Ed.) (1983). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bagley, F. R. C. (1964). *Book of counsel for kings* (Diterjemah daripada *Nasihāt al-Muluk* karya al-Ghazali dalam bahasa Parsi). London: Oxford University Press.
- Braginsky, V. I. (5 – 7 April 1995). *Tajus Salatin* (“The crown of sultans”) of Bukhari al-Jauhari as a canonical work and an attempt to create Malay Literary canon. Kertas kerja dalam Conference on the canon in SEA literatures, SOAS, University of London.
- Eastwick, E. B. (1914). *The Anvar-i Suhaili or the lights of canopus being the Persian version of the fables of pilpay or the book “Kalilah and Damnah” rendered into Persian by Husain Va’iz al-Kashifi*. Allahabad: Ram Narain Lal.
- Jelani Harun (2013). *Mir’at al-Tullab* by Syeikh Abdul Rauf Singkel: A preliminary study of manuscripts kept in the special collections, Leiden University Library. *Malay Literature* 26(2), 119 – 138.
- Jumsari Jusuf (Ed.) (1979). *Tajussalatin*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Katalog Induk Manuskrip Melayu di Malaysia* (1993). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Katalog Naskah Museum Aceh* (2014). Banda Aceh: Museum Aceh.
- Keene, H. G. (Ed.) (1867). *Akhlak-i-Muhsini or the morals of the beneficent*. (Diterjemah daripada *Akhlak-i-Muhsini* karya Husain Vaiz Kashifi daripada bahasa Parsi). London: W. H. Allen.
- Khalid M. Hussain. (1992). *Taj us-salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moreland, W. H. (Ed.) (1934). *Peter Floris: His voyage to the East Indies in the globe 1611 – 1614*. London: The Hakluyt Society.
- Ricklefs, M. C. dan Voorhoeve, P. (1977). *Indonesian manuscripts in Great Britain*. Oxford: Oxford University Press.
- Taj al-Salatin: Mahkota raja-raja* (Pengenalan oleh Muhammad Haji Salleh) (2001). Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- The Encyclopedia of Islam* (1978). Leiden: E. J. Brill.

Diperoleh (*Received*): 8 November 2016

Diterima (*Accepted*): 23 Mac 2017

NOTA

- 1 Penulisan makalah adalah berdasarkan kertas kerja bertajuk “Karya Agung Kesultanan Aceh Darussalam” yang dibentangkan dalam Kuliah Umum pada 21 Oktober 2016

di Fakultas Adab dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh. Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Farid Ibrahim Wajdi, Rektor Universitas Islam Negeri Ar-Raniry atas segala bantuan yang dihulurkan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Syarifuddin (Dekan, Fakultas Adab dan Humaniora), Drs. Yulsafli, Drs. Nurdin AR, Dr. Bustami, Drs. Mawardi, Drs. Fuadi, Dra. Nurhawani dan semua institusi dan orang perseorangan yang memberikan bantuan kepada penulis.

- 2 Di samping manuskrip Melayu, terdapat banyak manuskrip yang ditulis dalam bahasa Arab dan bahasa Aceh oleh para pengarang Aceh, sehingga menjadikan tradisi penulisan manuskrip di Aceh jauh lebih besar berbanding dengan penulisan manuskrip Melayu. Walau bagaimanapun, tradisi penulisan manuskrip berbahasa Arab dan berbahasa Aceh di luar skop perbincangan makalah ini.
- 3 Salah seorang pengumpul manuskrip Aceh bernama Masykur Syafruddin kini memiliki lebih kurang 370 buah manuskrip dan surat bertulisan Jawi.
- 4 Menurut keterangan Dra. Nurhawani, pegawai di Museum Aceh, pihak muzium kini memiliki lebih kurang 1700 buah manuskrip, tetapi hanya 900 buah daripadanya yang dikatalogkan. Usaha masih terus dilakukan bagi menerbitkan katalog yang baharu.
- 5 Lihat perbincangan oleh Jelani Harun (2013).
- 6 Penulis masih kurang pasti penyalinan dan penyebaran *Nasihah al-Muluk* tidak berkembang seperti yang berlaku kepada *Taj al-Salatin*. Mungkinkah selepas disalin atau diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, karya tersebut terus dibawa oleh Pieter Willemsz van Elbinck pulang ke Eropah?
- 7 “Haza kitab min tashnif Shaykh al-Husain al-Kashifi” diterjemahkan maksudnya sebagai “Ini kitab karangan Shaykh al-Husain al-Kashifi” ataupun “Kitab ini dikarang oleh Shaykh al-Husain al-Kashifi”.
- 8 Menurut catatan Moreland (1934, p. xliii-xliv), Pieter Willemsz van Elbinck dan saudaranya Hans Willemsz van Elbinck berasal dari Elbing, sebuah pusat perdagangan penting di Timur Prussia. Pada tahun 1593 keluarga ini berhijrah ke Amsterdam dan seterusnya menjadi pedagang yang berjaya. Hans Willemsz van Elbinck terus menetap di Amsterdam, sementara Pieter Willemsz van Elbinck pula belayar ke Timur di bawah naungan VOC pada sekitar tahun 1600. Pieter Willemsz van Elbinck tiba di England pada tahun 1615 dan meninggal dunia dua tahun kemudiannya. Nama “Peter Floris” ialah nama yang digunakan sewaktu di England.
- 9 Thomas van Erpe yang dikenali sebagai Erpenius (1584 – 1624) merupakan sarjana pengajian Timur di Universiti Leiden antara tahun 1612 – 1613.
- 10 Menurut catatan Ricklefs dan Voorhoeve (1977, p. xxiv), manuskrip milik Thomas Erpenius diserahkan kepada pihak Perpustakaan University of Cambridge pada tahun 1632.
- 11 Herat (Hirat atau Harat), sebuah bandar lama di Afghanistan. Lihat huraian lanjut tentang Husain Wa’iz al-Kashifi dan karyanya yang penting, *Akhlak-i Muhsini* dan *Anwar-i Suhaili* dalam Arberry (1958).
- 12 Lihat terjemahan Inggeris *Anwar-i Suhaili* dalam Eastwick (1914). *Anwar-i Suhaili*

merupakan sebuah kumpulan cerita binatang yang kaya dengan pelbagai nasihat dan pengajaran moral, termasuk yang melibatkan tokoh raja Parsi purba dan petikan kata-kata hikmat.

- 13 Karya Husain Wa'iz al-Kashifi yang disenaraikan dalam *The Encyclopaedia of Islam* (1978, p. 704 – 705) ialah *Anwar-i Suhayli*, *Rawdat al-Shuhada*, *Jawahir al-Tafsir*, *Mawahib-i 'Aliyya*, *Akhlak-i Muhsini*, *al-Risala al-'Aliyya*, *Risala-yi Hatimiyya*, *Makhzan al-Insha*, *Sahifa-yi Shahi*, *Bada'i al-Aftar*, *Futuwwat-nama yi Sultani*, *Asrar-i Kasimi*, *Tuhfat al-Salat*, *Marsad al-Asna*, *Zad al-Musafirin*, *Sab'a Kashifiyya*, *al-Tuhfa al-'Aliyya*, *Shar-i Mathnawi*, *Risalat al-'Ulwiyya*, *Risala dar 'Ilm-i Adad*, *Risala dar Awrad*, *Fayd al-Nawal*, *Mafatih al-Kunuz*, *Mayamin al-Iktisab*, *A'ina yi Iskandari*, *Mala Buddha*, *Minhadj*, *Fadl al-Salat*, *Mir'at al-Safa*, *Sharh-i Kitab al-Surur*, *al-Nakawa fi Adab*, *Diwan-i Kashifi*, *Tabakat-i Khwadjagan*, *Ma'arif al-Yakin*, *Manakib al-Awliya* dan *Madjalis-i Wa'z*.
- 14 *Akhlak-i Muhsini or The Morals of the Beneficent: Literally Translated from The Persian of Husain Vaiz Kashifi into English by The Late Rev. H. G. Keene, London, 1867*. Besar kemungkinan penulisan *Akhlak-i Muhsini* oleh Husain Wa'iz al-Kashifi ditujukan khusus buat Abu'l-Muhsin, putera Sultan Hussein Mirza yang memerintah Herat pada ketika itu.
- 15 *Surah al-Nisa'*, p. 59 yang bermaksud, “Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah SAW dan kepada *uli al-amri* (orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu.
- 16 Ungkapan ini turut dipetik oleh Tun Seri Lanang dalam *Sulalatus Salatin* (A. Samad Ahmad, 1983, p. 178): “Hendaklah kamu semua tuliskan kepada hatimu pada berbuat kebaktian kepada Allah Taala dan Rasul Allah sallallahu alaihi wassalam, dan jangan kamu sekaliannya melupai daripada berbuat kebaktian, kerana pada segala hukum, bahawa raja-raja yang adil itu dengan Nabi sallallahu alaihi wassalam umpama dua buah permata pada sebetuk cincin...”
- 17 Abu Bakr Muhammad ibn al-Walid (ibn Abi Randaqa) al-Turtushi, lahir di Tortosa (di Sepanyol) pada tahun 1059 dan meninggal dunia di Mesir pada 1126. Buat masa ini, penulis masih belum berpeluang membaca *Siraj al-Muluk* dan kurang pasti sama ada karya tersebut diterbitkan dalam terjemahan bahasa Inggeris atau belum.
- 18 Khusrau I Anushirvan (Anusharwan/Nushiravan/Nushirvan). Beliau dikatakan mempunyai seorang penasihat yang bijaksana bernama Buzurjmihir/Buzurgmihir.